

## **BAB EMPAT**

### **PENULISAN KATA NAMA KHAS**

Nama khas yang merujuk nama institusi atau badan yang dieja mengikut sistem ejaan Rumi bahasa Melayu, hendaklah dieja mengikut bunyi sebutan baku bahasa Melayu. Contohnya:

<b>Ejaan Rumi</b>	<b>Padanan Jawi</b>
Radio Televisyen Malaysia	راديو تيليفيشن مليسيا
Dewan Bahasa dan Pustaka	ديوان بهاس دان قوستاك
Universiti Teknologi Malaysia	اونيفورسيتي تيكنولوغي مليسيا
Komanwel	كومنويل

Nama orang atau tempat yang bukan berasal daripada bahasa Arab atau bahasa Inggeris dieja menurut kelaziman sebutan orang yang empunya nama, kebiasaan setempat atau kebiasaan antarabangsa. Contohnya:

<b>Ejaan Rumi</b>	<b>Padanan Jawi</b>
Chandra Mukhi	چندرا موخي
Lim Keng Yaik	ليم كيغ ييك
Ng Kim Swee	اغ كيم سوي
Pyongyang	قيوغيغ
Subramaniam	سوبرامانيام
Sunway Lagoon	سنوي لگون
Vietnam	فييتنم

## PENULISAN KATA NAMA KHAS

**Catatan:** Nama khas yang telah diwartakan hendaklah ditulis mengikut ejaan rasmi dalam warta itu. Contohnya:

<b>Ejaan Rumi</b>	<b>Padanan Jawi</b>
Johor	جوهر
Kedah	قدح
Kuala Lumpur	كوالا لمفور
Pahang	فهغ

Kata nama khas bagi tempat dan orang yang berasal daripada bahasa Arab hendaklah ditulis mengikut ejaan asalnya walaupun terdapat perbezaan dari segi sebutannya dalam bahasa Melayu. Contohnya:

### (i) Nama Tempat

<b>Ejaan Rumi</b>	<b>Ejaan Asal</b>
Abu Dhabi	ابو ظبي
al-Quds	القدس
Amman	عمان
Arab Saudi	عرب سعودي
Arafah	عرفة
Baitul Maqdis	بيت المقدس
Damsyik	دمشق
Dubai	دبي
Ghazzah (Gaza)	غزة (كازا)
Halab (Aleppo)	حلب (اليقو)
Kaherah	قاهرة
Karbala	كربلاء
Madinah	مدينة
Mekah	مكة

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU

<b>Ejaan Rumi</b>	<b>Ejaan Asal</b>
Mesir	مصر
Mina	منى
Muzdalifah	مزدلفة
Palestin	فلسطين
Parsi	فارسي
Qatar	قطر
Riyadh	رياض
Sana'a	صنعاء
Syam	شام
Tabuk	تبوك
Taif	طائف

(ii) Nama Orang

<b>Ejaan Rumi</b>	<b>Ejaan Asal</b>
Abdullah/*Dollah	عبد الله/*دوله
Abdul Aziz	عبد العزيز
Abdul Ghani/*Derani	عبد الغني/*دراني
Abdul Rauf/*Derauf/*Derauh	عبد الرؤوف/*دراءوف/ *دراءوه
Abdurrahman/Abdul Rahman/ *Deraman	عبد الرحمن/ *درامن
Abdurrasyid/Abdul Rasyid/ *Derasid/*Derasit	عبد الرشيد/*دراسيد/ *دراسيت
Abu Bakar	ابو بكر
Ali	علي
Azman	عزمان

PENULISAN KATA NAMA KHAS

**Ejaan Rumi**

Aisyah  
Boutros Boutros-Ghali  
Bukhari  
Fatimah/\*Timah  
Ghazali/\*Razali  
Hamdan  
Hashim  
Halimatus Sa‘diah  
Ibrahim/\*Brahim  
Ishaq/Isahak/\*Sahak  
Khadijah/\*Tijah  
Muhammad Hatta  
Nurul Ain  
Rabiatul Adawiyah  
Saad bin Said  
Saudah  
Sumayyah  
Umar  
Uthman/Usman/Osman/ Othman  
Yusri

**Ejaan Asal**

عائشة  
بطرس بطرس-غالي  
بخاري  
فاطمة/\*تيمه  
غزالي/\*رزالي  
حمدان  
هاشم  
حليمة السعدية  
ابراهيم/\*براهيم  
اسحاق/\*ساحق  
خديجة/\*تيجه  
محمد حتى  
نور العين  
رابعة العدوية  
سعد بن سعيد  
سعودة  
سمية  
عمر  
عثمان  
يسري

## PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU

**Catatan 1:** Tanda (\*) menunjukkan bahawa nama tersebut dieja mengikut kecenderungan sebutan Melayu yang menyebabkan nama tersebut tidak lagi mengandungi makna asal. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, ejaan asal dalam bahasa Arab seberapa boleh hendaklah dikekalkan.

**Catatan 2:** Aturan ini diperluas bagi pengejaan kata nama khas bagi nama Allah, malaikat, nabi, surah dalam al-Quran, bulan hijrah, hari, bangsa dan lain-lain. Contohnya:

<b>Ejaan Rumi</b>	<b>Ejaan Asal</b>
al-Basir	البصير
al-Latif	اللطيف
Ridwan	رضوان
Raqib	رقيب
Ismail	اسماعيل
Yusuf	يوسف
al-Nisa'	النساء
al-Taubah	التوبة
Syawal	شوال
Zulkaedah	ذوالقعدة
Ahad	احد
Jumaat	جمعة
Aus	أوس
Quraisy	قريش

## PENULISAN KATA NAMA KHAS

Kata nama khas bahasa Inggeris hendaklah dieja mengikut bunyi sebutan bahasa Inggeris British sebagaimana yang dinyatakan dalam *Oxford Dictionary of English* edisi terkini, *Oxford Advanced Learner's Dictionary* dan *Collins English Dictionary Complete and Unabridged*. Contohnya:

<b>Kata Nama</b>	<b>Ejaan Jawi</b>
James Bond	جيمز بوند
Xavier	زيواير
Yvonne	ايونون
Kentucky Fried Chicken	كينتاكي فراءيد چيكين
McDonald's	مكدونلڊز
Secret Recipe	سيكرت ريسفي
Giant	جاينت
Aeon	ايئن
Cold Storage	كولد ستوريڠ
New Zealand	نيوزيلنڊ
London	لندن
Washington	ووشيغتن
Facebook	فيسبوك
<i>online</i>	اونلاين
WhatsApp	وهتساف
Instagram	اينستگرم
Twitter	تويتر

Walau bagaimanapun, sesetengah perkataan ini juga dieja berdasarkan padanan Rumi-Jawi dan mengikut bunyi sebutan lazim penutur bahasa Melayu yang digunakan dalam acara rasmi. Terdapat juga sesetengah perkataan ini dieja dengan menggabungkan mana-mana aturan tersebut. Contohnya:

## PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU

<b>Kata Nama</b>	<b>Ejaan Jawi</b>
Henry Ford	هينري فورد
Kenny Rogers	کيني روجرز
Bosnia-Herzegovina	بوزنيا-هرزگووينا
Thailand	تهايلند
Southern Bank	سوذنر بئگ
Standard Chartered	ستندرڊ چرترڊ

**Catatan:** Nama khas bahasa Inggeris ini boleh juga ditambah ejaan Rumi dalam kurungan selepas dieja dengan Jawi bagi penggunaan kali pertama dalam sesuatu wacana untuk mengelakkan kekeliruan.

Contohnya: (McDonald's) مكدونلڊز.